

AMALAN TASAUF DALAM MEMELIHARA MASYARAKAT DARIPADA SIKAP RADIKAL DALAM AGAMA

THE PRACTICE OF TASAUF IN PRESERVING SOCIETY FROM RADICALISME ACT IN RELIGION

Hasfa Bakhry Bin Hassan ¹

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Kampus Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email : hasfasarjana82@gmail.com

Article history

Received date : 18-4-2022
Revised date : 19-4-2022
Accepted date : 7-6-2022
Published date : 15-6-2022

To cite this document:

Hassan, H. B. (2022). Amalan Tasauf Dalam Memelihara Masyarakat Daripada Sikap Radikal Dalam Agama. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 56 - 65.

Abstrak: *Tasauf merupakan suatu amalan tradisional yang terdapat dalam keilmuan Islam yang menumpukan kepada amalan pembersihan hati yang diwariskan oleh sarjana-sarjana Islam sebagai pengamalan harian. Amalan tasauf ini merupakan amalan yang berdasarkan amalan nabi SAW serta para sahabat yang menyaksikan perbuatan Rasulullah SAW. Penulisan ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana amalan tasauf berupaya sebagai salah satu cara untuk memulihkan hati daripada perilaku melampau yang pada asasnya melakukan perkara berdasarkan hawa nafsu semata-mata. Perkara tersebut adalah ditegah dalam agama oleh nabi SAW. Tindakan-tindakan radikal hanya merugikan umat Islam pada pandangan masyarakat bukan Islam. Sama ada perlakuan tersebut memberikan impak yang kecil seperti kasar dalam memperbetulkan kesilapan dalam ibadah mahupun besar seperti kejadian pengeboman oleh puak pelampau, ianya bukan daripada jalur yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan serta kaedah pemerhatian sebagai cara pengumpulan data kajian. Pengkaji juga mengkaji penulisan-penulisan ilmiah daripada jurnal-jurnal universiti mahupun berita dalam dan luar negara serta tulisan-tulisan pakar dalam akhbar nasional. Dapatan kajian kelak mendapati bahawa perilaku radikal ini bermula daripada kecenderungan hawa nafsu yang tidak terkawal. Maka melalui proses penyucian hati, mereka akan kembali kepada fitrah insani mereka.*

Kata Kunci: *tasauf, tasauf dan radikalisme, tasauf moden*

Abstract: *Sufism is a traditional practice found in Islamic scholars that focuses on the practice of purification of the heart inherited by Islamic scholars as a daily practice. The practice of sufism is a practice based on the practice of the Prophet SAW and the companions who witnessed the actions by the Prophet SAW. This writing aims to explain how the practice of sufism is capable of being one of the ways to recover the heart from extreme behaviors that are basically doing things based on lust alone. Such things are forbidden in religion by the Prophet SAW. Radical actions only harm Muslims in the eyes of non-Muslims. Whether the treat has a small impact such as gross in correcting mistakes in worship or a large one such as bombing by extremists, it is not from the path found in the Qur'an and the sunnah of the Prophet SAW.*

Using qualitative methods by using content analysis and observation methods as a means of collecting research data. Researchers also study scholarly writings from university journals as well as local and foreign news as well as expert writings in national newspapers. The findings of the study later found that this radical behavior started from the tendency of uncontrolled lust. So through the process of purification of the heart, they will return to their human nature as what religion (Islam) teaching.

Keyword: *sufism, sufism and radicalism, contemporary sufism*

Pengenalan

Amalan tasauf merupakan amalan penyucian jiwa yang dihiasi dengan amalan-amalan yang mengisi rohani ataupun batin dalaman kita. Amalan-amalan ini dicontohi melalui perbuatan sahabat-sahabat nabi SAW dan dilihat daripada sudut keikhlasan dan akhlak mereka (Ghazali, 2016). Amalan Tasauf ini dihiasi dengan amalan yang membersihkan hati daripada kotoran-kotoran yang tidak nampak dengan mata kasar. Amalan yang mengutamakan pematuhan syariat Islam, mensucikan dan mendidik jiwa serta berusaha membersihkan daripada dosa-dosa yang terdapat dalam diri.

Permasalahan Kajian

Sikap radikal atau fanatik dalam agama merupakan suatu penyakit yang perlu dicegah sebelum ianya berlaku. Ini kerana ianya merupakan barah yang boleh merosakkan sistem masyarakat yang hidup dalam keadaan harmoni dan sejahtera. Di Malaysia, hal ini juga berlaku namun keadaanya masih dapat dikawal apabila ianya berlaku di dalam negara. Sikap radikal dalam beragama ini boleh dilihat dalam kejadian Bom di Bali satu di Indonesia pada tahun 2002 telah mengorbankan seramai 202 mangsa dan diikuti dengan kejadian Bom Bali kedua pada tahun 2005 yang mengorbankan seramai 23 mangsa (Vincentia Wahyu Widajatun, 2019) serta melibatkan kecederaan yang banyak. Kejadian terbaru yang berlaku pada tahun 2021 di Indonesia juga memperlihatkan bagaimana kejadian yang melibatkan seorang wanita berumur 25 tahun menyerang Ibupejabat Polis Indonesia di Jakarta pada 31 Mac 2021 melalui serangan yang disebut dengan nama *lone wolf* (Shalihah, 2021). Beliau didapati menganggotai kumpulan Daesh atau ISIS yang beroperasi di Indonesia. Sebelum kejadian tersebut, berlaku pengeboman di depan gereja Katedral Makassar, Sulawesi Selatan pada 28 Mac 2021 yang dilakukan oleh pasangan suami isteri yang melakukan bom bunuh diri. Ketua bahagian anti-terorrisme Polis Indonesia, Muhammad Syauqillah menyebut bahawa mereka mendapati terdapat dua pola atau kumpulan yang terlibat dalam iaitu Jemaah Ansharut Daulah (JAD) dan mereka ini serumpun dengan gerakan Daesh atau ISIS.

Menurut Syauqillah kepada pihak KOMPAS, kelompok berfahaman radikal ini mempunyai idealogi tertentu iaitu idealogi takfiri, salafi dan jihadi. Kecenderungan dalam melibatkan diri dalam aliran idealogi ini adalah disebabkan oleh kefahaman mereka terhadap ayat-ayat al-quran dan hadis-hadis daripada nabi SAW. Penzahiran kefahaman mereka terhadap dua sumber utama dalam Islam itu ternyata berbeza (Khadher bin Ahmad, 2016) dengan pembawaan sebenar yang diajarkan oleh nabi SAW sebagai mana firman Allah SWT ;

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Tidaklah Kami mengutusmu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”. (Al-Anbiya:107)

Beberapa perkara yang kurang diperhatikan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas adalah bagaimana kaedah yang terdapat dalam tasauf seperti amalan zikir, amalan bangun malam, amalan mendapatkan guru rohani dalam usaha yang perlu dilakukan oleh p

Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian yang dilontarkan dalam kajian ini bagi mendapatkan tujuan kajian ini dibuat adalah sebagaimana berikut :

1. Apakah yang dimaksudkan sikap radikal dalam beragama dan kesannya terhadap agama;
2. Apakah disiplin Tasauf itu terdapat dalam ajaran Islam ; dan
3. Bagaimana tasauf ini boleh menjadi cara untuk memperbaiki sikap radikal dalam agama.

Objektif Kajian

Terdapat beberapa penekanan yang dilakukan dalam kajian ini bagi menjawab persoalan kajian. Antara objektif kajian ini dilakukan adalah sebagaimana berikut ;

1. Menerangkan berkenaan sikap radikalisme agama serta bahaya pemikiran tersebut wujud dalam masyarakat.
2. Menjelaskan latarbelakang tasauf dan kedudukan disiplin ilmu tasauf dalam agama.
3. Menerangkan keberkesanan amalan-amalan tasauf dalam mengimbangkan pemikiran radikal dalam masyarakat serta menjadikan Islam sebagai cara dan budaya hidup dalam masyarakat.

Methodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dimana pengkaji telah melakukan kajian dengan mengutip data-data daripada jurnal-jurnal universiti serta penulisan-penulisan daripada pakar-pakar yang terlibat dalam radikalisme dan bidang tasauf. Pengkaji jika melakukan observasi melalui media masa berkenaan dengan perkembangan aktiviti radikalisme di dunia khususnya di bahagian nusantara serta mengkaji peranan pengajian tasauf yang dilakukan di pondok-pondok dan masjid-masjid dibahagian Kuching, Sarawak. Kajian yang dilakukan ini turut memerhatikan sikap masyarakat Islam di kawasan tersebut sama ada terdapat kecenderungan kepada sikap radikal atau fanatik kepada agama dengan menasaskan para ilmuan, pelajar dan masyarakat awam.

Kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh para ilmuan juga sebahagian daripada dapatan-dapatan yang digunakan untuk kajian ini seperti dapatan daripada Prof. Dr Harun Nasution, Dr. Ahmad El-Muhammady (Pensyarah UIAM) dan lain-lain lagi yang dapat membantu kajian yang dilakukan ini.

Hasil Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Melalui kaedah fiqh, terdapat satu kaedah yang dinamakan ;

الضَّرُّ يُزَالُ

Maksudnya: *Kemudharatan itu dihilangkan.*

Mengangkat kemudharatan yang berlaku dalam masyarakat merupakan suatu yang wajib. Maka apabila kita melihat perilaku radikal ini merupakan suatu sikap yang mengundang kepada kemudharatan, maka wajib untuk kita menghilangkan perbuatan ini daripada merebak dalam

masyarakat. Peribahasa “*Mencegah Lebih Baik Dari Mengubati*” merupakan suatu tindakan preventif (pencegahan) yang perlu dilakukan kerana perkara yang melibatkan perlakuan radikal atau fanatisme ini tidak pernah berakhir dengan baik. Maka kaedah ini merupakan suatu cara yang dianjurkan dalam Islam.

Radikalisme Dan Fanatisme

Radikalisme agama atau ekstrimis merupakan salah satu perilaku yang menghalang kemakmuran, perpaduan serta keharmonian sesuatu bangsa dan juga agama di dunia ini. Kebanyakan agama di dunia ini memiliki sejarah hitam masing-masing dalam menghadapi isu radikalisme atau ekstrimisme agama ini. Kristian, Yahudi, Hindu, Sikh, Buddha dan lain-lain lagi mempunyai sejarah masing-masing apabila menganutnya melakukan sesuatu yang menyalahi norma-norma kebiasaan dilakukan oleh agamawan mereka dengan melakukan tindakan keganasan atas nama agama. Globalisasi juga turut membawa radikalisme ke skala yang lebih besar. Menurut Rapport terdapat empat tahap dalam keganasan moden. Tahap tersebut boleh digambarkan secara kronologi seperti tiga gelombang pertama adalah bermotivasikan politik iaitu penciptaan doktorin, ditermisme kebangsaan dan internationalisme. Walaubagaimanapun gelombang yang keempat adalah bermotivasikan agama (Nurhafeezah Yusuf, 2017).

Istilah fanatik merujuk kepada kamus dewan yang bermaksud terlalu berlebihan dalam kepercayaan atau keyakinan terhadap sesuatu ajaran (termasuk politik dan lain-lain) sehingga melampaui batas. Fanatik juga merujuk kepada (orang yang) keterlaluan dalam sesuatu pegangan atau pendirian (biasanya berkaitan dengan keagamaan). Fanatik juga dikaitkan dengan perbuatan taksub iaitu terlalu kuat pegangannya atau berlebihan keyakinannya terhadap sesuatu atau seseorang (Khadher bin Ahmad, 2016). Fanatisme pula merujuk kepada satu fahaman atau perilaku yang menunjukkan sikap tarikan terhadap sesuatu secara berlebihan. George Santayana pula menerangkan bahawa makna fanatisme sebagai melipatgandakan usaha ada pada ketika anda lupa tujuan anda. Winston Churchill juga menyebut bahawa seorang yang mempunyai sifat fanatisme sukar untuk mengubah pola fikirnya dan tidak akan sama sekali mengubah tujuan atau Haluan yang telah ditetapkan olehnya (Santayana, 1905). Maka boleh dikatakan bahawa, seseorang yang mempunyai sikap fanatisme ini memiliki aturan yang ketat dalam pola fikirannya sehinggakan dia tidak mahu mendengar atau menerima pandangan selain daripada pola fikirnya yang dianggap enentang atau bertentangan dengan kehendaknya (Santayana, 1905).

Kemudian, fanatisme juga adalah suatu sikap penuh semangat yang berlebihan terhadap suatu pandangan atau suatu sebab. Perilaku fanatik ditunjukkan untuk menghina dalam hal tertentu, tetapi sebenarnya merupakan individu atau kelompok yang memiliki keyakinan atau pemahaman terhadap sesuatu secara berlebihan dan mereka akan tetap pada pendiriannya, walaupun orang lain menganggap sikap atau perbuatan yang dilakukan itu berlebihan (Purnamaari, 2016).

Dr. Ahmad El-Muhammady, Penolong Professor di Institut pemikiran Dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa menyebut dalam temubual bersama Astro Awani, isu fanatisme atau ketaksuban perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas lagi seperti dalam kontek politik yang membawa kepada keganasan atas nama perjuangan membela kedaulatan negara. Hal ini menyebabkan kekeliruan kepada masyarakat yang kadang-kali terjebak kepada permainan pemikiran yang dilakukan oleh kumpulan tersebut (El-Muhammady, 2021).

Agama Dan Tasauf

Kalimat Agama menurut Rahmat Kamaruddin menyebutkan bahawa secara etimologi, kata “agama” bukan berasal dari kalimat bahasa Arab, melainkan ianya diambil dari istilah bahasa Sanskrit yang menunjuk pada sistem kepercayaan dalam Hinduisme dan Budhisme di India. Agama terdiri dari kata “a” yang bererti “tidak”, dan “gama” bererti kacau. Jadi maksudnya, agama adalah sejenis peraturan yang menghindarkan manusia dari kekacauan serta menjadi pengantar kepada manusia untuk menuju keteraturan dan ketertiban dalam kehidupan (Kamaruddin, 2016). Perkara ini juga disebut oleh Usman Syihab yang menyatakan bahawa agama berasal dari suku kata “a-gam-a”, “A” sebagai awalan bermakna tidak pergi; tidak datang; tidak berubah atau bererti kekal. Perkataan “Gam” pula juga merujuk kepada dasar yang membawa makna pergi atau jalan. Manakala “a” diakhir memberi kata sifar tentang erti kedatangan atau kekekalan. Apabila dihuraikan serta disatukan makna tadi maka agama bermaksud pegangan atau pedoman hidup yang berkekalan (Syihab, 2003). Manakala menurut Harun Nasution, agama tersusun dari dua kata “a” iaitu bermakna “tidak” dan “gama” bererti “pergi”, iaitu merujuk kepada makna tidak pergi, tetap di tempat dan diwarisi turun temurun, iaitu sesuai dengan sifat agama yang sedemikian (Ambary, 1994).

Apabila dirujuk melalui kalimat bahasa arab, agama memberi makna *Ad-Din*. Ianya mempunyai maksud yang berbagai. Di dalam lisan al-arab dan Muhtar al-Sihah, memberikan mak ad-din itu adalah kekuasaan, kemuliaan, ibadah, ketaatan, memiliki kedudukan, ketundukan, Islam, tauhid, hutang, perhitungan, balas dan banyak lagi beberapa makna yang dikaitkan dengan kalimat tersebut. Syed Muhammad Naquib al-Attas, seorang cendekiawan Islam di Malaysia berpandangan bahawa “din” mempunyai kata dasar yang banyak sehingga kelihatan seolah-olah bertentangan, tetapi semua makna saling berkaitan. Beliau menyimpulkan bahawa terdapat empat dasar dalam makna-makna tersebut iaitu, [1] keadaan berhutang, [2] keadaan takluk menyerah diri, [3] kuasa dan daya menghukum, dan [4] bawaan kecenderungan yang sedia ada pada insan atau yang menjadi kebiasaan dalam adat resam. S.M Naquib al-Attas juga menyebut bahawasanya dalam keadaan seseorang yang berhutang, yakni sebagai seseorang *dain* (*penghutang*), maka oran itu akan menaklik (menyerah) dirinya kepada kehendak hukum dan undang-undang mengenai perkara hutang dan perhutangan serta mematuhi segala peraturan hukum dan undang-undang itu (Ambary, 1994).

Menurut sudut pandang hadis, terdapat di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Tamim ad-Dari berkenaan Ad-Din. Baginda Nabi SAW bersabda, :

عَنْ أَبِي رُقَيْبَةَ تَمِيمِ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الدِّينُ
النَّصِيحَةُ . قُلْنَا لِمَنْ ؟ قَالَ : لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَيِّمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ . رواه

ومسلم

Maksudnya : “Agama itu adalah nasihat. (Para sahabat bertanya) Ya Rasulullah, bagi siapa ? Jawab Nabi SAW, Bagi Allah, kitabnya, rasulnya dan bagi para pemimpin muslim dan bagi seluruh muslimin”. (Riwayat Muslim)

Manakala kenyataan Rahmat Kamaruddin mengatakan bahawa apabila kalimat atau ungkapan “*din Allah*”, maka ianya menunjukkan bahawa agama iu daripada Allah. Apabila disebut pula “*Din an-Nabiy*”, maka ianya merujuk pula kepada nabi sebagai yang melahirkan dan

menyebarkannya, dan apabila istilah “*din al-ummah*”, maka ianya merujuk pula kepada manusia sebagai pemeluk dan pelaksana. Dari suatu sudut lain, *din* juga dirujuk sebagai as-Syariah iaitu segala peraturan hukum yang lengkap yang di syariatkan oleh Allah SWT atau berasaskan prinsipnya sahaja yang dibezakan di mana orang Islam melaksanakan hukum dalam mengikat hubungan mereka kepada Allah dan hubungan sesama manusia (Kamaruddin, 2016). Sudut pandang terminologi, Usman Syihab menyufatkan bahawa keterangan para sarjanawan, tiada satu istilah khusus kepada pentafsiran agama melainkan pendefinisian yang dilakukan oleh golongan akademik untuk memberikan pengertian agama dengan mendeskripsikan gejala-gejala atau tanda-tanda yang menunjukkan adanya agama (kepercayaan yang mengikat) dalam kehidupan manusia lalu dibuat kesimpulan. Maka dengan itu yang dipelajari adalah perilaku kehidupan yang nampak dan boleh diamati, sedangkan pengamalan keagamaan bersifat subjektif yang tidak dipelajari (Syihab, 2003).

Harun Nasution berpandangan bahawa agama boleh didefinisikan kepada pendefinisian berikut. [1] Pengakuan terhadap adanya hubungan dengan manusia dengan kekuatan ghaib yang harus dipatuhi. [2] Pengakuan terhadap adanya kekuatan ghaib yang menguasai manusia. [3] Mengikat diri pada suatu bentuk hidup yang mengandungi pengakuan pada satu sumber yang berada diluar diri manusia dan yang mempengaruhi perbuatan-perbuatan manusia. [4] Kepercayaan kepada suatu kuasa atau kekuatan ghaib yang mempengaruhi cara hidup tertentu. [5] Suatu sistem tingkah laku (*code of conduct*) yang berasal dari sesuatu kekuatan ghaib. [6] Pemujaan terhadap kekuatan ghaib yang timbul daripada perasaan lemah dan takut terhadap kekuatan mistik yang terdapat dalam alam sekitar manusia. [7] Ajaran-ajaran yang diwahyukan tuhan kepada manusia melalui seorang rasul (Nasution, 1974). Sebahagian pandangan Nasution ini dipersetujui oleh Bustanuddin Agus dalam menghuraikan berkenaan dengan agama dan kehidupan manusia, namun beliau cenderung untuk melihat agama dari perspektif antropologi yakni melihat agama dari perspektif ilmu tentang manusia (Agus, 2006).

Pandangan barat berkenaan dengan agama juga amat penting. Ini kerana kefahaman mereka berkenaan dengan agama juga boleh dilihat bagaimana barat mempelajari maksud agama menurut penganut agama yang lain khususnya Islam. Dengan memahami, maka mereka bebas untuk sama ada sebagai cabang ilmu, atau digunakan untuk memanipulasi ilmu yang mereka perolehi untuk kepentingan tertentu atau untuk mencari makna kehidupan. Dikalangan sarjana barat, Muhammad Abu Darraz ada menulis beberapa pandangan mereka yang berbagai ragam iaitu antaranya Immanuel Kent (1724-1804) mengatakan bahawa agama adalah sentimen terhadap kewajipan kerana ia merupakan perintah-perintah tuhan. Herbert Spenser (1829-1903) menyatakan bahawa agama adalah keyakinan kepada suatu kekuatan yang tidak mungkin dapat dibayangkan secara tempat atau masa. E.B Taylor (1832-1917) berpandangan agama adalah keyakinan terhadap kewujudan yang bersifat rohani (spiritual). Emile Durkheim (1858-1917) mengatakan agama merupakan satu sistem keyakinan dan amalan-amalan berkaitan dengan sesuatu yang suci dan bersifat tabu, keyakinan-keyakinan dan amalan-amalan yang menyatukan para pengikutnya dalam satu kesatuan moral yang dinamakan agama. Max Muller (1823-1900) menyebut bahawa agama adalah salah satu usaha untuk membayangkan sesuatu yang tidak mungkin dikatakan suatu usaha untuk melihat kepada yang tidak terbatas dan ianya adalah cinta kepada tuhan (Darraz, 1990).

Melalui beberapa pandangan yang dinyatakan tadi, maka dapat kita fahami bahawa pandangan maksud agama menurut barat menyebut bahawa ia berkait rapat dengan kepercayaan dan keyakinan terhadap sesuatu kekuatan yang bersifat ghaib, mistik atau luar biasa yang diterjemahkan melalui pelbagai bentuk tindakan dan amalan sebagai tanda keberadaan agama

dalam diri seseorang itu. Dengan kata lain, menifestasi beragama itu dipersembahkan dengan pelbagai cara dan bentuk berasaskan kepada pola kepercayaan dan keyakinan tersebut. Sebagai contoh, orang Islam menunjukkan keberadaan agama dalam diri melalui pelbagai bentuk ibadah yang diwajibkan ke atas mereka. Demikian, juga bagi agama-agama yang lain seperti Hindu, Buddha, Kristian dan sebagainya.

Krisis Kerohanian

Imam An-Nadwi mengupas berkenaan dengan krisis yang melanda dikalangan masyarakat dan umat Islam iaitu krisis akhlak dan rohani. Antara perkara yang dihadapi adalah terdapat kelompok yang terlalu ekstrim dalam menyikapi amalan-amalan kerohanian sehingga mereka mencapai tahap melampau (*ghuluw*) dalam pengamalan dan ada juga yang langsung tidak memperdulikan apa-apa amalan yang berkaitan dengan amalan kerohanian sehingga mereka meninggalkan serta mengabaikannya amalan-amalan tersebut. Menyikapi amalan-amalan kerohanian dengan cara yang salah juga boleh menyebabkan kesan yang berlaku sebaliknya. Daripada melembutkan hati kepada kerasnya hati, daripada menjadikan seseorang itu bersifat tawadduk maka ianya bertukar menjadikan seseorang itu bersifat sombong dan takabbur. Maka kata Imam An-Nadwi, masyarakat Islam harus kembali kepada amalan tasauf yang bersifat *Tazkiyyatun an-Nabawiyah* (Pembersihan Jiwa cara Nabi SAW) (Ghazali, 2016).

Menurut Imam An-Nadwi, penyimpangan makna dari kata tasauf ini akan menyebabkan orang-orang jahil akan melakukan penyimpangan dalam menterjemahkan perilaku amalan-amalan soleh dengan amalan-amalan yang terkeluar dari jalur kebenaran dan menuju kepada jalur *al-Ghuluw* (melampau) atau kesesatan oleh orang-orang yang jahil. Ilmu tasauf membawa manusia kepada hakikat ibadah iaitu kedamaian dan ketenangan jiwa dan memperbaharui hubungan qalbu dengan Allah, masyarakat dengan akhlak, tubuh dengan ruh, ulamak dengan rabbaniyah. Hasil akhirnya ialah akan wujud di dalam masyarakat kekuatan untuk melawan syahwat dalam bentuk harta, anak, perhiasan, kehidupan dunia, pangkat dan kekuasaan. Apabila perkara-perkara yang disebutkan tadi ditinggalkan, maka akan berlaku krisis kerohanian dalam masyarakat Islam khususnya. Mereka akan menjadi pemburu harta dunia yang gila, rakus terhadap kekuasaan dan bergelung dalam penyakit sosial dan akhlak (Ghazali, 2016).

Permasalahan masyarakat moden pada hari ini juga ialah meletakkan kedudukan ilmu dan teknologi pada kedudukan yang paling utama sehingga mereka mengabaikan permasalahan spiritual ataupun kerohanian. Mereka meyakini bahawa kedua elemen yang pelu pada masyarakat moden (ilmu dan teknologi) akan mengangkat darjat kehidupan mereka, namun sebaliknya mereka akan mengalami krisis dalaman yang akhirnya membawa kepada kehancuran diri mereka pada masa panjang. Kehidupan moden yang serba mencabar serta kompetatif menyebabkan seseorang akan mengalami tetakan dan stress. Apabila menghadapi tekanan, mereka terus menerus mengharing tekanan demi tekanan akhirnya mereka tidak mampu untuk menghadapinya maka mereka akan menyalurkan dengan cara yang radikal bahkan boleh menjadi gila (Rahmawati, 2015).

Disintegrasi ilmu terhadap masyarakat moden menyebabkan masyarakat terlalu bergantung kepada sesuatu yang bersifat popular seperti jika menginginkan kekayaan maka mereka harus mendalami ilmu perniagaan, jika menghadapi masalah kesihatan maka mereka harus mendalami ilmu perubatan dan seterusnya. Mereka menyandarkan keilmuan-keilmuan tadi sebagai penyelesaian kepada permasalahan manusiawi mereka. Maka mereka mengenyepikan ilmu kerohanian dalam menyelesaikan masalah duniawi. Hal ini juga berlaku dalam ilmu agama.

Seperti persoalan jihad hanya disandarkan dengan hukum fiqh yang kadang-kadang cenderung kepada fiqh yang bersifat ghuluw (melampau) daripada kelompok-kelompok wahabi ataupun khawarij. Bahkan ilmu ini menurut Max Scheler seperti ilmu falsafah, ianya mempunyai kelemahan-kelemahan bahkan tiada asal dan dasar yang kukuh. Ianya membawa kepada tidak tahu menahu dan ungkapan Max ini sama seperti yang dikatakan oleh Hussein Nasr yang membawa kepada kekeringan spiritual ataupun rohani dalam diri manusia. Ini kerana ilmu tersebut mengarah kepada bersandar kepada makhluk dan bukan mengajar kepada manusia untuk berserah kepada Allah SWT (Rahmawati, 2015).

Tasauf Dan Radikalisme

Menurut Khalid Iqbal, kerangka pemikiran sufism atau tasauf mengajar manusia untuk menjadi seseorang yang penyayang, mengambil berat, baik hati, penyabar. Segala yang terdapat dalam ajaran yang terdapat dalam sufism dan tasauf tidak membawa kepada pembentukan idealogi radikal dan ekstimis dalam perilaku. Tasauf dan sufism adalah tingkah laku yang membawa individu untuk memperbaiki diri sendiri, mengawal hawa nafsu, memperbanyakkan muhasabah. Ianya merupakan perjalanan untuk mendekati diri kepada tuhan (Iqbal, n.d.) yang berbeza perjalanan jihad yang mengorbankan diri untuk tuhan. Apabila manusia mencari jihad sebelum mencari cara mengenal Allah, maka jihad mereka mengundang petaka yang membawa kepada kesesatan dalam beribadah. Ini kerana apabila seseorang tidak mengenal tuhan, bagaimana dia boleh melakukan sesuatu perkara atas nama tuhan. Maka yang hanya adalah kepalsuan semata.

Akhlak merupakan khazanah intelektual yang terdapat dalam Islam. Memiliki akhlak yang baik, budi pekerti yang tinggi serta sifat yang terpuji hanya lahir daripada hati nurani yang bersih lagi suci. Apabila akhlak mulia menjadi komponen dalam kehidupan, maka ianya akan memandu seseorang dalam perjalanannya di dunia dan di akhirat. Akhlak ini merupakan pendorong kepada keberhasilan dakwah baginda Nabi SAW sepanjang 23 tahun dakwah baginda kepada kaum musyrikin (Rahmawati, 2015). Sabda baginda Nabi SAW ;

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

“Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik” (Bukhari, 2017).

Jalan tasauf dapat memadamkan sikap radikal dalam diri seseorang apabila mereka benar-benar mengikuti jalan kerohanian. Menurut Imam al-Ghazali, seseorang yang mengikuti jalan tasauf dipanggil sebagai *Salik* (anak murid / seorang yang sedang berjalan). Dalam perjalanan yang dilaluinya, dia akan ada waktu dimana dia akan menyendiri (tertafakkur/muhasabah), memperbanyakkan diam dari berkata-kata, menahan lapar dengan berpuasa, tidak tidur serta bangun melakukan ibadah pada malam hari. Hal ini dilakukan hanya untuk membina qalbu supaya dia dapat mendekati dirinya kepada tuhan. Pembinaan rohani dalam diri seseorang adalah salah satu tujuan ilmu tasauf dipelajari. Ianya merupakan kunci kepada hubungan batin makhluk dengan Allah SWT. Manfaat daripada amalan kerohanian di atas ialah mengosongkan *qalbu* daripada pesona duniawi yang menghambat kepada jalan rohani yang akan menghalang pandangan manusia kepada Allah SWT (Zaini, 2016).

Beberapa nilai-nilai ajaran tasauf yang membawa kepada kebersihan rohani yang boleh diketengahkan daripada sekian banyaknya amalan-amalan yang diajarkan oleh nabi SAW antaranya adalah ;

1. *Taqarrub Ilallah* (mendekatkan diri kepada Allah) Amalan mendekatkan diri kepada Allah melalui jalan zikir dan fikir (muhasabah). Niat untuk melepaskan diri daripada jeratan dan pesona dunia.
2. *Tawakkal alallah* (Berserah kepada Allah) Amalan ini merupakan amalan berserah dan menyerah kepada Allah SWT secara mutlak. Ianya akan memperkukuhkan jiwa serta pegangan kuat seseorang pada agamanya. Sebagaimana seseorang maniki kapal terbang, tanpa merasa takut dan risau bahawa juruterbang akan membawa mereka dengan selamat di atas udara merentasi samudera. Keyakinan itulah juga dalam kehidupan manusia terhadap Allah yang akan memandu manusia dengan selamat semasa di dunia apabila mempunyai sifat tawakkal.
3. *Ridha* Amalan yang dapat menghindar daripada kekecewaan, frustasi dan putus asa terhadap apa-apa perkara yang dihadapinya dalam kehidupan. Mereka selalu pasrah serta bersangka baik terhadap sesuatu yang diberikan Allah kepada mereka.
4. *Zuhud* Amalan yang membentuk sikap daripada ditakluki dengan kicintaan terhadap dunia. Mensyukuri atas segala pemberian Allah SWT tanpa meminta lebih daripada Allah serta sentiasa bersikap *qanaah* (cukup dengan apa yang ada). Mereka akan menjauhi sikap metarialistik serta budaya hedonistic dalam kehidupan.
5. *Uzlah* Amalan yang membawa kepada pengasingan diri daripada pengaruh keduniaan serta memahami suasana kesendirian di alam barzakh kelak, maka kepada siapakah mereka akan Kembali melainkan mereka akan Kembali kepada Allah bersendirian serta mengharap belas kasihan daripada Allah SWT (Rahmawati, 2015).

Beberapa bentuk pengamalan yang diberikan tadi adalah sebahagian daripada dasar-dasar amalan yang telah ditunjukkan meruakan sebahagian kecil daripada pengamalan tasauf yang boleh dijadikan amalan yang membawa kepada kebersihan hati dan kejernihan rohani kepada manusia,

Kesimpulan Dan Rumusan

Secara kesimpulannya, keperluan kepada ilmu tasauf, sufism atau tarekat yang merupakan cabang kepada ilmu dalam Islam sebagaimana disebut ulamak keilmuan tiga serangkai iaitu Akidah, Syariat dan Akhlak sebagai benteng kepada kejahatan adalah sesuatu yang wajib. Imam al-Ghazali menyebut bahawasanya tasauf ini memerlukan kepada 3 maqam (kedudukan) agar mencapai tujuan atau matlamat. Perkara tersebut ialah Ilmu, sikap dan tindakan. Ilmu merupakan pengetahuan seseorang terhadap bahaya yang diakibatkan oleh kejahatan yang boleh merosakkan segala amalan manusia. Ilmu juga melahirkan sikap yang akan mewujudkan sikap sedih, terharu, insaf, tawakkal terhadap apa yang berlaku disekeliling mereka dan akhirnya akan menuju kepada tindakan yakni taubat atau melakukan ibadat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (Zaini, 2016).

Akhlik dalam tasauf merupakan solusi kepada kecelaruan pemikiran masyarakat yang terdedah dengan berbagai permasalahan. Maka keperluan memahami dan berinteraksi dengan ilmu tasauf adalah amat penting, Apabila masyarakat memiliki pengetahuan berkenaan ilmu tasauf, maka mereka sudah pasti akan menyibukkan diri mereka kepada ibadah yang mendekatkan diri mereka kepada Allah. Sudah pasti tidak wujud sikap ekstrim atau radikal dalam diri mereka kerana amalan-amalan pengikit tarekat atau tasauf ini adalah mengikuti jalan Rasulullah SAW yang dipenuhi dengan jalan kasih sayang serta membawa kepada kecintaan kepada Allah SWT melalui jalan kelembutan (sufi bermaksud lembut).

Rujukan

- Agus, B. (2006). *Agama Dalam Kehidupan Manusia : Pengantar Antropologi Agama*. Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.
- Ambary, H. M. (1994). *Insiklopedia Islam*. Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve.
- Bukhari, I. (2017). *Shahih Bukhari Terj. Asy-Syaikh Muhammad Fuad Abdul Baqi*. Johor: Pustaka Sunnah.
- Darraz, M. A. (1990). *Al-Din Buhuth Muhammadah li Dirasah Tarikh al-Adyan*,. Kaherah: Dar al-Qalam.
- El-Muhammady, D. A. (2021, Mac 22). Wujud ekstremis politik, sosial di Malaysia . (I. Khalid, Interviewer)
- Ghazali, M. R. (2016). Pemikiran Tasawuf Dan Kehidupan Kerohanian Menurut Abu Hasan Ali Al-Nadwi (1914-1999): Satu Analisis. *Al-Abqari Vol 8*, 121-142.
- Iqbal, K. (n.d.). *COUNTERING EXTREMISM THROUGH SUFISM*. Retrieved from Academia:
https://www.academia.edu/9834071/COUNTERING_EXTREMISM_THROUGH_SUFISM
- Kamaruddin, R. (2016, Julai 25). *Panaraka.blogspot*. Retrieved from Panaraka.blogspot:
<http://penaraka.blogspot.my/2012/04/pengertian-agama.html>
- Khadher bin Ahmad, M. A. (2016). Fanatik Beragama Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia: Analisis Berdasarkan Pemahaman Terhadap Fiqh Al-Hadith. *International Conference On Islam In Malay World Vi (Icon-Imad Vi)* , (Pp. 1-27). Brunei.
- Nasution, H. (1974). *Islam Ditinjau Dari Pelbagai Aspek*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Nurhafeezah Yusuf, M. H. (2017). Ekstrimis Agama Dalam Gerakan Islamic State Of Syria And Iraq (ISIS) Satu Analisis Terhadap Akbar The Star. *Malaysia Journal Of Communication (Jilid 33)*, 119-141.
- Purnamaari, I. (2016). Faktor Pendorong Fanatisme Pada Suporter Klub Sepak Bola Arsenal Di Balikpapan. *Psikologi*, 261.
- Rahmawati. (2015). Peranan Akhlak Tasauf Dalam Masyarakat Modern. *Al-Munzir Vol. 8, No. 2*,, 229-247.
- Santayana, G. (1905). *Life of Reason: Reason in Common Sense*. New York: Charles Scribner's Sons.
- Shalihah, N. F. (2021, April 2). *KOMPAS.COM*. Retrieved from KOMPAS.COM:
<https://www.kompas.com/tren/read/2021/04/02/123100465/penyerangan-mabes-polri-dan-alasan-di-balik-munculnya-aksi-teror-?page=all>
- Syihab, U. (2003). *Agama dan Peranannya Dalam Pembangunan Peradaban: Satu Kajian Tentang Pemikiran Malik Bennabi*. Kuala Lumpur: Univrsiti Malaya.
- Vincentia Wahyu Widajatun, S. I. (2019). DAMPAK KEJADIAN AKSI TERORIS 2000 – 2016 DI INDONESIA. *Manners Vol 2 No 1*, 61-71.
- Zaini, A. (2016). Pemikiran tasauf Imam al-Ghazali. *Jurnal Akhlak dan Tasawuf Volume 2 Nomor 1*, 146-160.